



(Foto BERNAMA)

Anwar hadir ke Masjid Putra, Putrajaya untuk menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira hampir 15,000 jemaah.

# ASEAN-GCC sepakat cari kaedah baharu bantu perjuangan Palestin

**Gabungan beberapa negara beri tekanan, desak dunia henti keganasan rejim Zionis**

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Putrajaya:** Gabungan kerjasama ASEAN, Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan beberapa negara lain sedang berusaha mencari kaedah baharu bagi membantu perju-

ngan rakyat Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata gabungan itu juga sedang mencari helah menerusi saluran diplomatik bagi tujuan berkenaan, termasuk membela hak yang sah, termasuk perjuangan di Gaza.

"Kita sudah sampaikan pandangan (mengenai penindasan ke atas Palestin) yang sudah diketahui (masyarakat antarabangsa), tetapi ini bukan upaya satu negara sahaja.

"Seperti kita lakukan dengan GCC baru-baru ini, kita ada kesepakatan ASEAN-GCC serta beberapa negara lain supaya memberikan penjelasan dan tekanan keras kepada dunia supaya menghentikan (penindasan ke atas Palestin).

"Sekadar kenyataan mereka

BERITA HARIAN 08 JUN 2025 ml: 3

(Amerika Syarikat, AS), mengancam serta menghantar dan menjual senjata kepada Israel, ini tindakan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa dan kemanusiaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan AS memveto draf resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) yang menggesa gencatan senjata dilaksanakan segera di Semenanjung Gaza, baru-baru ini.

UNSC dijadualkan mengundi usul mengenai ketetapan mengesakan gencatan senjata dan akses kemanusiaan tanpa had di Gaza, Rabu lalu.

Terdahulu, beliau diiringi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Aga-

ma), Dr Zulkifli Hasan dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Putra, di sini.

Solat yang diimamkan Imam Besar Masjid Putra, Dr Muhammad Zakuwa Rodzali itu turut disertai hampir 15,000 jemaah.

## Sepakat henti keganasan

Sementara itu Perdana Menteri berkata, beberapa pemimpin dunia sepakat menghentikan keganasan dan menolak segala usaha menghalang bantuan kemanusiaan ke Gaza, selain mengutuk sekeras-kerasnya sikap ganas dan keras Israel.

Perkara itu katanya, dikemukakan pemimpin antarabangsa yang menghubungi beliau sempena sambutan Aidiladha, ter-

masuk Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan; Presiden Iran, Dr Masoud Peshkian dan Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif.

"Kebanyakan perbincangan dengan ketua negara yang menghubungi sempena Aidiladha, sama ada Erdogan ataupun Peshkian dan Sharif, semua kita lahirkan sikap agak jelas mengenai Gaza.

"(Mereka mahu) menghentikan keganasan dan menolak segala usaha menghalang bantuan kemanusiaan, selain mengutuk sekeras-kerasnya sikap ganas dan keras Israel.

"Kita juga sepakat untuk terus berunding, mencari jalan lain untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera mungkin," kata Ahli Parlimen Tambun itu.